

# 5 juta pelajar bakal guna kad debit

B Kosmo 09/02 2016 M/S 2.

**MARANG** – Kira-kira lima juta pelajar di Malaysia akan menggunakan kad debit di kedai-kedai koperasi sekolah dalam tempoh terdekat selaras dengan langkah Kementerian Pendidikan mahu memperluaskan lagi penggunaan kad itu di 10,200 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, pendekatan itu merupakan inisiatif kementerian sebagai persediaan kepada para pelajar sekolah bagi menghadapi dunia era digital yang semakin pantas pada masa kini.

“Segalanya semakin canggih dan pantas pada masa ini. Anak-anak kita perlu bersedia untuk menghadapi cabaran berkenaan agar mereka tidak ketinggalan.

“Oleh itu, kita akan didik anak-anak kita ini dengan mempraktikkan penggunaan kad debit di sekolah-sekolah bagi menggantikan fungsi wang tunai dalam masa terdekat,” katanya ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Marang, Rusila di sini semalam.

Beliau kemudian melawat tapak pembinaan bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Serada, Banggol Cempedak, Kuala Terengganu.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Sains, Teknologi



PARA pelajar tidak perlu lagi membawa wang tunai selepas penggunaan kad debit diperluaskan di sekolah-sekolah di seluruh negara. – Gambar hiasan



MAHDZIR (tengah) melawat tapak pembinaan bangunan SMK Serada, Banggol Cempedak, Kuala Terengganu semalam. Hadir sama A. Latiff (dua dari kanan).

“Segalanya semakin canggih dan pantas pada masa ini. Anak-anak kita perlu bersedia untuk menghadapi cabaran berkenaan agar mereka tidak ketinggalan.

**MAHDZIR KHALID**

dan Transformasi Negeri Terengganu, A. Latiff Awang.

Menurut Mahdzir, buat permulaan, kementeriannya bercadang agar penggunaan kad debit itu digunakan untuk pembelian barangan di kedai-kedai



TERMINAL kad pembayaran perlu dilengkapi sistem nombor pin agar lebih selamat. – Gambar hiasan



URUS niaga menggunakan kad debit lebih selamat berbanding tunai. – Gambar hiasan

koperasi sekolah.

Katanya, penyediaan teknikal dan mekanisme pengenalan kad debit dalam kalangan murid dan pelajar masih diperhalusi di peringkat kementerian agar penggunaannya bersifat praktikal.

“Pelaksanaan kad debit ini adalah tuntutan kementerian untuk melahirkan generasi berilmu

dan berkemahiran seiring dengan Dasar Pendidikan Negara bagi mencapai matlamat Transformasi Nasional 2050.

“Penggunaannya juga seiring dengan kehendak pembelajaran semasa yang tidak menumpukan akademik semata-mata tetapi turut memberi penekanan kepada pengetahuan am, kemah-

iran berkomunikasi, kreativiti dan sahsiah diri,” ujarnya.

Setakat ini, penggunaan kad debit telah diaplikasikan di sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Puteri di Putrajaya, Kolej Tunku Kursiah di Negeri Sembilan dan Sekolah Datuk Abdul Razak di Kedah.

## INFO Kad debit

- Sejenis kad bank untuk membuat pembayaran tanpa melibatkan wang tunai
- Memudahkan pengguna membeli barang dan perkhidmatan
- Konsep kad debit ialah beli sekarang, bayar sekarang
- Kad debit menolak wang dalam akaun bank
- Tidak dapat digunakan apabila tiada wang dalam akaun bank
- Boleh digunakan di dalam dan luar negara
- Pengguna boleh berbelanja dengan bijak
- Lebih selamat kerana tidak perlu membawa banyak wang tunai